

STPM Kertas 1 2016:

Soalan 1

- (a) (i) Mengapakah perakaunan dikenali sebagai bahasa perniagaan? (1 markah)
(ii) Nyatakan tiga kepentingan perakaunan kepada masyarakat. (3 markah)
- (b) Tempoh perakaunan Perniagaan Cerdik berakhir pada setiap 31 Disember. Ringkasan kedudukan kewangan Perniagaan Cerdik pada 30 November 2014 adalah seperti yang berikut:

Akaun	RM
Aset (60% aset tetap)	195,500
Liabiliti	45,400
Ekuiti pemilik	150,100

Yang berikut ialah urus niaga yang berlaku sepanjang bulan Disember 2014.

- (1) Pada 1 Disember 2014, inventori, iaitu 10 set perisian perakaunan berserta buku panduan dengan kos RM4,000 telah hilang. Harga jualan bagi inventori yang hilang ini ialah RM7,500.
- (2) Pada 14 Disember 2014, Bersih Holding melantik Perniagaan Cerdik untuk memberikan khidmat nasihat dan latihan bernilai RM8,000 seminggu bagi tempoh selama empat minggu. Walaupun perkhidmatan bagi bulan Disember telah diberikan, bayaran hanya akan diterima setelah kontrak empat minggu tersebut tamat.
- (3) Pada 25 Disember 2014, Perniagaan Cerdik telah didakwa oleh pekerjaanya di mahkamah dengan menuntut ganti rugi sebanyak RM25,000. Kes ini akan dibicarakan di mahkamah pada bulan Jun 2015. Perniagaan Cerdik dan pekerja dijangka mempunyai peluang yang sama untuk memenangi kes ini.
- (4) Pada 30 Disember 2014, Perniagaan Cerdik membayar gaji pekerja sebanyak RM10,243 dan belanja utiliti sebanyak RM1,852 bagi bulan Disember.
- (5) Pada 30 Disember 2014, pemilik Perniagaan Cerdik telah menghadiahkan satu set perisian perakaunan berserta buku panduan kepada anak saudaranya bernilai RM750, yang harga kos sebenarnya ialah RM400.
- (6) Pada 31 Disember 2014, aset disusutnilaikan pada kadar 10% setahun atas nilai buku bersih.

Dikehendaki:

Bagi setiap urus niaga di atas,

- (i) Nyatakan prinsip, andaian, konsep atau konvensyen perakaunan yang perlu dipatuhi oleh Perniagaan Cerdik. Berikan ulasan untuk jawapan anda. (6 markah)

- (ii) Nyatakan nilai dan kesan turun atau naik terhadap aset, liabiliti, dan ekuiti pemilik terhadap persamaan perakaunan bagi Perniagaan Cerdik pada 31 Disember 2014. (10 markah)